



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang  
No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862  
Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA **PENANG HILL HERITAGE FOREST CHALLENGE 2018**

Tarikh : 12 Ogos 2018  
Masa : 7.00 pagi  
Permulaan : Taman Rekreasi Kuari, Taman Botani  
Tamat : Dataran Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) akan menganjurkan kelima 'Penang Hill Heritage Forest Challenge 2018' dengan kerjasama Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang, JKKK Bukit Bendera, Actife Syle Concept Sdn Bhd dan Persatuan Penduduk Bukit Bendera. Acara ini disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah naungan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat Pulau Pinang.

Objektif acara ini adalah untuk menggalakkan kesedaran penjagaan alam semula jadi dan pemuliharaan warisan di Bukit Bendera serta menggalakkan aktiviti mendaki sebagai aktiviti popular dan sihat. Larian sejauh 15.5 km bagi peserta berlumba di laluan mencabar melalui laluan hutan berusia 130 juta tahun. Laluan perlumbaan dibawah pokok-pokok hijau meneduhi laluan perlumbaan bermula dari Moon Gate hingga laluan Summit. Peta laluan perlumbaan adalah seperti yang dilampirkan.

### Penyertaan

Target bilangan peserta tahun ini seramai 1000 orang. Pendaftaran terbuka kepada rakyat Malaysia dan pemegang visa MM2H / iKad berdasarkan kategori dibawah:

Kategori	Umur
<b>Terbuka Lelaki</b>	<b>20 – 30 tahun</b>
<b>Terbuka Senior Lelaki</b>	<b>31 – 40 tahun</b>
<b>Junior Veteran Lelaki</b>	<b>41 – 50 tahun</b>
<b>Senior Veteran Lelaki</b>	<b>Age 51 dan keatas</b>
<b>Terbuka Wanita</b>	<b>20 – 30 tahun</b>
<b>Terbuka Senior Wanita</b>	<b>31 – 40 tahun</b>
<b>Junior Veteran Wanita</b>	<b>41 - 50 tahun</b>
<b>Senior Veteran Wanita</b>	<b>Age 51 dan keatas</b>
<b>I-Kad &amp; MM2H</b>	<b>Terbuka</b>

## Hadiah Wang Tunai

Hadiah wang tunai ditawarkan kepada pemenang lapan kategori seperti berikut:

Kategori	Hadiah Wang Tunai (Bagi Setiap Kategori)
Tempat Pertama	RM1,500
Tempat Kedua	RM1,000
Tempat Ketiga	RM 500
Tempat ke4 – ke8	RM 200

## Hadiah lain yang ditawarkan

Semua pelari yang menamatkan perlumbaan akan menerima sijil penyertaan, pingat dan layak mendapat cabutan bertuah. Hadiah utama adalah sebuah motosikal serta pelbagai hadiah menarik yang akan diumumkan kemudian.

## Yuran Pendaftaran

Yuran pendaftaran adalah RM40 seorang dan setiap peserta akan menerima beg saguhati dan baju t-shirt yang boleh diambil/diperoleh dari Pejabat PBBPP pada bila-bila masa antara 8.00 pagi hingga 5.00 petang bermula 9 Ogos hingga 11 Ogos, 2018. Borang pendaftaran boleh didapati di:

- **Pejabat PBBPP di Tingkat 7, Bangunan PBBPP**
- **Kaunter Pertanyaan di Tingkat 3, KOMTAR Georgetown**
- **Pejabat *Penang Development Corporation* (PDC)**

Borang pendaftaran hendaklah dihantar ke Pejabat PBBPP di Tingkat 7 Bangunan PBBPP atau laman web di <http://www.actifestyle.com/events/PGHillChallenge2018>.

## Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 20 Julai 2018

Orang ramai dijemput menyertai larian ini atau meraikan acara ini yang menyambut warisan di Bukit Bendera sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, dan Sihat.

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, penyelenggaraan dan pembangunan Bukit Bendera sebagai tempat ekopelancongan serta menjadi pusat perlancongan bertaraf dunia di Malaysia.

Dikeluarkan oleh Pengurusan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Maklumat lanjut : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

Hubungi : Puan Janani 04-828 8880 / [janani@penanghill.gov.my](mailto:janani@penanghill.gov.my)

Cik Prescilia 04-8288621 / [prescilia@penanghill.gov.my](mailto:prescilia@penanghill.gov.my)